

NO. SOALAN: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO

TARIKH : 25 OKTOBER 2016

RUJUKAN : 9317

SOALAN:

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status siasatan ke atas tiga pegawai polis yang telah memukul dua orang pelajar di IPD Klang Selatan. (No Repot : KLANG/027689/16. Apakah tindakan yang telah diambil ke atas pihak polis berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Polis telah menjalankan siasatan berkait dengan Klang Report 27689/16: dan Klang Report 27692/16 yang dibuat oleh pengadu yang mendakwa anak dan cucunya telah dipukul oleh tiga anggota polis semasa soal siasat di Ibu Pejabat Polis Daerah Klang Selatan dan mengalami kecederaan di badan. Kes telah disiasat di bawah seksyen 323 Kanun Keseksaan. Kedua-dua kertas siasatan telah dirujuk ke pejabat Timbalan Pendakwaraya Selangor pada 9 Ogos 2016 untuk arahan selanjutnya.